

PH tidak perlukan Pas

Tiada sebab untuk PH terima parti itu sebagai rakan sekutu baharu

KAJANG

Pakatan Harapan (PH) tidak memerlukan Pas sebagai rakan sekutu yang baharu, kata Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata, sekiranya wujud idea atau percubaan untuk memasukkan Pas dalam PH, ia mesti berasaskan prinsip konsensus rakan-rakan pakatan itu.

"Jadi saya tengok ia kekal sebagai satu khabar politik biasa tapi saya tak nampak sebab dan alasan untuk PH menerima keanggotaan baharu," katanya ketika ditanya mengenai desas-desus wujud gerakan membawa Pas berganding dengan PH.

Beliau ditemui ketika melakukan prapelancongan Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Makanan (PPPM) bagi Program Food Bank Malaysia di Bukit Angkat, Kajang di sini semalam.

Kelmarin, media melaporkan Parti Amanah Negara (Amanah) menolak sebarang gerakan atau cadangan untuk membawa masuk Pas menyertai kerajaan semata-mata untuk menarik sokongan rakyat kepada PH.



Saifuddin Nasution (tengah) meneliti makanan dan minuman di gudang Food Bank Malaysia pada majlis pra pelancongan Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Program Food Bank Malaysia di Kawasan Perusahaan Bukit Angkat, Kajang semalam.

Timbalan Presiden Amanah, Datuk Seri Salahuddin Ayub dilaporkan berkata, tiada keperluan ketika ini untuk 'menyerap' Pas ke dalam Putrajaya atau negeri dikuasai PH atas alasan pengaruh parti itu mampu memberi kelebihan kepada kerajaan.

Ditanya mengenai laporan berita yang memetik Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kelmarin sebagai berkata, PH akan menjadi kerajaan sepenggal jika ia tidak berubah dan masalah dalamannya berlarutan, Saifuddin berkata, rakyat mempunyai kebijaksanaan untuk membuat

penilaian.

"Kita percaya kepada kebijaksanaan rakyat, kita tidak pernah memandang rendah kebijaksanaan rakyat dan fokus kita sekarang adalah untuk melaksanakan apa juga komitmen dan janji kita. Akhirnya rakyat adalah hakim yang terbaik," jelasnya.

Dr Mahathir bagaimanapun kemudian menegaskan kepada pemberita yang beliau tidak fikir PH akan menjadi kerajaan sepenggal, namun beliau berkata, kerajaan sebelum ini meninggalkan banyak masalah yang terpaksa diselesaikan kerajaan PH. - *Bernama*

FOTO: BERNAMEA